



**ENCIK NURULIZWAN  
BIN AMIR**

**Kelulusan: Sarjana Muda Sains Pengurusan  
Maklumat Dengan Kepujian  
(Pengurusan Pusat Sumber Maklumat)**

**Emel: [izwan8704@uitm.edu.my](mailto:izwan8704@uitm.edu.my)**

**2008 hingga 2009**

*PTAR 1, UiTM Shah Alam Bahagian Sokongan Penyelidikan*

**2009 hingga kini**

*PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh Unit Sistem Maklumat &*

*Unit Perkhidmatan Maklumat (hingga 2020) @*

*Unit Pembelajaran, Penyelidikan Dan Rujukan & Unit Perpustakaan Digital*

*(2020 hingga kini)*

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**

## Apakah Peranan Pustakawan?



*Pada pandangan tuan, apakah peranan Pustakawan dalam menangani berita-berita palsu di pelbagai platform media sosial yang berkemungkinan dijadikan sebagai sumber penulisan?*

“

*Pada pandangan saya, sebagai seorang yang telah dilatih dengan selok belok pengurusan maklumat seorang Pustakawan memainkan peranan yang sangat penting dalam menangani berita-berita palsu yang berkemungkinan dijadikan sebagai bahan penulisan. Pustakawan bertanggungjawab untuk memaklumkan dan menunjuk ajar dengan menggunakan pelbagai jenis platform media sosial tentang akibat jika menggunakan bahan dari sumber yang tidak sahih atau palsu. Penulisan menggunakan berita palsu atau tidak sahih amat merbahaya kerana masyarakat boleh dipesongkan oleh fakta yang meragukan dan mewujudkan masyarakat seperti golongan anti vaksin yang memutarbelitkan maklumat untuk membenarkan apa yang mereka percayai. Dengan itu, Pustakawan yang mempunyai kepakaran dalam menguruskan maklumat dapat membantu para penyelidik contohnya untuk mendapatkan maklumat yang benar dan sahih sekaligus menjadikan hasil penulisan itu baik dan tidak terpesong serta memaparkan fakta yang benar dalam menjayakan masyarakat berpengetahuan.*

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**